

Kejuruteraan: KUTKM, Universiti Teknikal Berlin jalin kerjasama

Archival News | Berita Harian | 15/03/2003

KOLEJ Universiti Teknikal Malaysia (KUTKM) menjalin kerjasama dengan Universiti Teknikal Berlin (Technische Universität Berlin), Jerman, bagi memajukan bidang kejuruteraan mekanikal dan pembuatan di institusi pengajian tinggi awam teknikal itu.

Kerjasama itu dicapai dengan termeterainya memorandum persefahaman (MoU) ketika lawatan delegasi KUTKM diketuai Rektornya, Datuk Prof Dr Mohd Ruddin Ab Ghani, ke beberapa universiti teknikal dan firma terkemuka di Jerman dan United Kingdom, baru-baru ini.

Kerjasama itu turut membabitkan pembangunan dan penyelidikan (R&D) dalam beberapa projek yang akan dijalankan secara bersama bagi manfaat kedua-dua universiti.

Dr Mohd Ruddin berkata, melalui MoU itu, KUTKM bersetuju melantik dua profesor dari Universiti Teknikal Berlin sebagai profesor pelawat, mulai tahun ini.

Katanya, kaedah hands-on ataupun praktikal yang diamalkan KUTKM adalah sama dengan sistem dilaksanakan Universiti Teknikal Berlin, iaitu antara universiti teknikal yang tertua dan terbesar di Jerman.

"Ini adalah kerana teknologi kejuruteraan di Jerman sebenarnya jauh lebih canggih berbanding negara maju lain, malah boleh dikatakan antara yang terbaik di dunia," katanya.

Selain Universiti Teknikal Berlin, beliau berkata, pihaknya turut mengadakan lawatan ke RWTH University of Aachen, antara universiti teknikal terbaik di Jerman dan mempunyai hubungan kukuh dengan industri automotif.

Katanya, universiti berkenaan juga mempunyai hubungan dengan syarikat yang menjadi spin off company, iaitu FEV Motorenrechnik, yang bertanggungjawab mereka bentuk dan menguji enjin kenderaan.

Sehubungan itu, Dr Mohd Ruddin berkata, KUTKM bersetuju untuk menghantar beberapa pensyarah yang mengikuti program sarjana di negara ini, menjalani latihan amali di Jerman.

"Sewaktu di United Kindom, delegasi juga melawat Universiti Coventry dan bertemu dengan beberapa pelajar Malaysia di sana.

"Hasil daripada perbincangan kedua-dua pihak, KUTKM akan melantik dua profesor dari universiti berkenaan sebagai profesor pelawat dan MoU akan ditandatangani di sini, Julai depan," katanya.

Beliau menjelaskan, selain mengadakan perjanjian persefahaman dengan universiti berkenaan, khususnya dalam bidang pendidikan, lawatan berkenaan juga bertujuan mencari tenaga pengajar baru KUTKM.

"Dalam sesi temu duga yang dilakukan, kami mengenal pasti beberapa pelajar Malaysia yang kini berada di tahun akhir, sebagai calon yang sesuai untuk berkhidmat dengan KUTKM," katanya.

(END) Source : Berita Harian